

# **Kesediaan Pelajar Dalam Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Harian Luar Bandar Daerah Jerantut, Pahang.**

Asnul Dahar Bin Minghat & Rabiah Binti Sikh Mohamad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan belajar pelajar dalam mata pelajaran vokasional di sekolah harian luar bandar di daerah Jerantut berdasarkan empat persoalan kajian iaitu aspek pengetahuan asas atau sedia ada, aspek minat, aspek sikap dan kemahiran menggunakan peralatan dan mesin. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang pelajar Tingkatan Empat di tiga buah sekolah dalam daerah Jerantut, Pahang. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science (SPSS) versi 11.5*. Nilai indeks kebolehpercayaan item soal selidik adalah  $\alpha = 0.87$ . Peratus, kekerapan (frekuensi) dan min digunakan untuk menganalisis data. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar yang mengikuti MPV mempunyai kesediaan yang tinggi dari segi sikap dengan nilai min 3.92, minat dengan nilai min 3.78, kemahiran menggunakan peralatan tangan dan mesin dengan nilai min 3.71 manakala aspek pengetahuan sedia ada berada pada nilai yang sederhana dengan nilai min 3.51. Penyelidik turut mengemukakan beberapa cadangan bagi memungkinkan kajian lanjutan dijalankan.

**Abstract:** The purpose of this study is to identify the readiness of learning of Vocational subject among student in the rural school at Jerantut district area. In this study, four research questions was developed to cover certain aspect namely, basic knowledge, interest, attitude and skills in tools and machinery handling. A total of seventy (70) of form four MPV student were sampled at three different school. Questionnaire was used as an instrument to obtain a data. The data is then transferred to *Statistical Packages for Social Science versi 11.5 (SPSS)* software. Reliability analysis was employed and shows the validity and reliability among the items were high with Cronbach alpha value of 0.87. Percentages, frequency, and mean used to analyze the data. From the mean score shows that students readiness of learning of the MPV subject is high toward their attitudes is 3.92, interest is 3.78, skill in tool and machinery handling is 3.71. However, student readiness of learning of the subject is moderate toward the knowledge base aspect is 3.51. Several suggestions have been given to proceed with the further research.

*Kata-kunci:* kesediaan belajar, pelajar, mata pelajaran vokasional

## **Pengenalan**

Pada masa kini sektor pendidikan telah memainkan peranan yang penting bagi membentuk generasi yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam semua bidang. Pendidikan yang hendak diterapkan kepada golongan remaja haruslah dapat membentuk sahsiah, mempunyai masa depan dan boleh memenuhi keperluan negara dalam menyahut cabaran-cabaran seperti yang terkandung dalam wawasan di mana wawasan 2020 berhasrat untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan drastik dalam sektor perindustrian memerlukan tenaga mahir dan separa mahir untuk memajukan sektor ini ke tahap antarabangsa. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah sedaya upaya melahirkan golongan pelapis muda yang berkemahiran dalam pelbagai bidang untuk keperluan negara, malahan secara tidak langsung kemahiran yang diperolehi dapat membantu setiap individu untuk berdikari dan memajukan diri.

Langkah ini direalisasikan melalui penubuhan sekolah aliran vokasional dan teknik bagi menyediakan secara berterusan tenaga manusia untuk membangunkan sektor ekonomi (William, 1996). Dengan

perkataan lain, objektif penubuhan sekolah vokasional adalah supaya kurikulum sekolah lebih peka terhadap keperluan guna tenaga dalam pasaran buruh terutama guna tenaga mahir dan separa mahir. Mengikut Laugho (1983), ada dua perspektif berkaitan dengan pendidikan vokasional-satu ialah pendidikan vokasional berasaskan pekerjaan (Employment Based) dan satu lagi pendidikan vokasional di sekolah (School Based Vocational Education). Justeru itu, integrasi akademik vokasional akan memastikan semua pelajar akan didedahkan kepada kedua-dua domain tanpa perlu dilabel sebagai pelajar “akademik” atau pelajar “vokasional”. Ini lebih menepati falsafah dan konsep pendemokrasian pendidikan. Pendidikan hendaklah dilihat sebagai proses pembelajaran lebih daripada proses pengajaran (Stones, 1981). Maka peranan guru bukanlah sekadar menyediakan “resepi” untuk pelajar ikuti tetapi ialah untuk mengatur aktiviti-aktiviti yang membolehkan pelajar membina pengetahuan, pemahaman dan kemahiran yang dikehendaki.

### **Penyataan Masalah**

Analisis keputusan peperiksaan MPV di tiga buah sekolah di daerah Jerantut pada tahun 2005 dan 2006 telah menunjukkan peratusan yang cemerlang di dalam keputusan SPM iaitu mencapai tahap 100 peratus. Peningkatan keputusan SPM yang tinggi ini telah mendorong penyelidik untuk mengenalpasti kesediaan pelajar dari segi pengetahuan sedia ada, minat, sikap dan kemahiran menggunakan peralatan dan mesin di sekolah harian luar bandar di daerah Jerantut.

### **Objektif kajian**

Objektif kajian yang telah dijalankan adalah bertujuan :-

- i. Menenalpasti kesediaan pelajar dari segi pengetahuan sedia ada atau asas dalam mengikuti mata pelajaran vokasional.
- ii. Menenalpasti kesediaan pelajar dari segi minat dalam mengikuti mata pelajaran vokasional.
- iii. Menenalpasti kesediaan pelajar dari segi sikap dalam mengikuti mata pelajaran vokasional.
- iv. Menenalpasti kesediaan pelajar dari segi kemahiran dalam menggunakan peralatan dan mesin dalam mengikuti mata pelajaran vokasional.

### **Kepentingan Kajian**

Penyelidik ingin melaksanakan kajian ini supaya dapat menjadi panduan kepada pihak tertentu dengan tujuan berikut:

#### **Pelajar**

Dapat memberi garis panduan terhadap kesediaan pelajar dalam mata pelajaran vokasional. Secara langsung pengetahuan dan pendedahan yang terperinci dalam kurikulum pembelajaran dapat membantu dan memupuk sikap positif pada diri sendiri. Melalui mata pelajaran ini juga pelajar akan dapat merangsang minat, sikap serta motivasi terhadap mata pelajaran ini. Ini kerana mata pelajaran ini lebih menjurus ke arah pembelajaran yang berkait rapat dengan aktiviti yang biasanya dilakukan oleh pelajar di luar waktu persekolahan dan seterusnya membantu pelajar dalam menjalani kehidupan lebih sempurna terutama ketika mengalami masalah dalam kehidupan.

#### **Ibu bapa**

Dapat memberi panduan serta pemahaman yang lebih jelas kepada ibubapa dalam menangani anak-anak mereka khususnya dalam memilih bidang yang diminati oleh anak-anak mereka. Justeru itu adalah diharapkan ibu bapa dapat memberi sokongan serta bimbingan dalam membuat pemilihan jurusan yang sesuai dengan anak-anak mereka.

## **Guru-guru**

Dapat menjadi panduan kepada guru dan sekolah dalam merancang satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi membolehkan pelajar mempelajari isi pelajaran dengan baik dan mudah.

## **Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam merancang program-program khas dalam meningkatkan profesionalisme guru berdasarkan kajian yang telah dibuat terhadap mata pelajaran vokasional disamping peka terhadap masalah yang berbangkit dan seterusnya dapat memperbaiki kelemahan yang wujud dalam mata pelajaran ini dengan sebaik mungkin.

Malahan ia juga dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menggubal sukatan pelajaran yang lebih praktikal berdasarkan tahap kesediaan belajar pelajar aliran vokasional di sekolah akademik. Ini membolehkan Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan aktiviti-aktiviti amali yang bersesuaian dengan aspek kematangan dan pengalaman pelajar terutamanya kerjakerja yang melibatkan aktiviti amali dan kehidupan seharian pelajar. Disamping itu dapat memberi panduan kepada mana-mana pihak yang ingin membuat rujukan mengenai data-data atau cadangan yang ada dalam kajian ini.

## **Skop Dan Batasan Kajian**

Penyelidik membataskan kajian yang dilakukan hanya kepada pelajar-pelajar yang mengikuti MPV di tiga buah sekolah akademik luar bandar di daerah Jerantut. Responden kajian ialah pelajar-pelajar Tingkatan Empat tahun 2007 seramai 70 orang yang mengikuti mata pelajaran MPV Menservis Automatif, Penyejukan dan Penyamanan Udara serta Landskap dan Nurseri sahaja. Skop kajian melibatkan kesediaan pelajar dalam mengikuti MPV dari aspek pengetahuan sedia ada, minat, sikap dan kemahiran menggunakan peralatan dan mesin.

## **Metodologi kajian**

Pemilihan sampel dibuat berdasarkan populasi dimana jumlah sampel adalah menyamai jumlah populasi. Dalam kajian ini sampel terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat MPV di tiga buah sekolah menengah yang telah dipilih.

Rasionalnya mengapa mereka dipilih adalah kerana mereka telah diberi dan didedahkan mengenai pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup yang mengandungi komponen-komponen teknikal seperti Kemahiran Teknikal (KT), Ekonomi Rumahtangga (ERT), Perdagangan dan Pertanian (SPT) yang terkandung di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) sejak Tingkatan Satulagi. Dengan adanya asas dalam bidang teknikal ini, pelajar telah pun faham serta mengetahui asas pengetahuan, mempunyai minat serta sikap dan kemahiran tertentu dalam bidang teknikal dan seterusnya penyelidik dapat mengesan kesediaan pelajar dalam mengikuti mata pelajaran vokasional di sekolah menengah harian kelak.

Saiz sampel minimum yang diperlukan bagi kajian deskriptif adalah 10% daripada populasi (Gay, 1981). Soalan soal selidik yang disediakan adalah jenis tertutup yang menggunakan skala lima mata dan responden dikehendaki memilih jawapan berdasarkan kepada skala yang telah disediakan (Mohd. Majid, 2001).

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Menurut Skager dan Weinberg (1973), soal selidik merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif kerana menerusi kaedah ini kerjasama daripada sampel adalah mudah diperolehi. Menurut Mohd. Majid (1994), soal selidik yang lebih teratur, jelas dan sesuai dengan kajian yang mempunyai subjek yang jauh di antara satu sama lain dan seterusnya dapat mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga untuk pengumpulan data. Soal selidik direkabentuk berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian dan merujuk kepada pembinaan item yang telah sedia ada. Item-item yang terdapat dalam setiap set soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A berkaitan maklumat latar belakang responden, manakala Bahagian B untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian. Bahagian-bahagiannya adalah seperti berikut:

### **Set Soalan Pertama**

Bahagian A: Mengandungi tujuh ( 7) item untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Responden dikehendaki membulatkan jawapan pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian B: Bahagian ini mengandungi empat puluh (40) item yang berkaitan dengan kesediaan pelajar untuk mengikuti mata pelajaran vokasional di sekolah menengah akademik .

Dalam Bahagian A responden perlu menanda atau menulis di tempat yang telah disediakan. Manakala dalam Bahagian B responden dikehendaki menanda jawapan berdasarkan soal selidik berdasarkan Skala Likert. Skala Likert ini merupakan jenis skala yang paling sesuai untuk mengukur kebolehan atau mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman oleh responden. Skala ini juga didapati berguna dalam mengukur persepsi dan pandangan daripada responden yang berhubung dengan sesuatu perkara. Selain itu, data dapat diperolehi dengan lebih jelas dan teratur malah menjimatkan masa dan jawapan yang dikehendaki dapat ditafsir dengan berkesan.

### **Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Faktor Demografi Responden**

Dalam Bahagian A, soal selidik dibahagikan kepada enam item mengikut faktor demografi responden iaitu, jantina responden, tingkatan, keputusan PMR, aliran pekerjaan bapa dan pekerjaan ibu responden. Responden dikehendaki menjawab semua persoalan mengikut kejujuran individu.

Bagi pernyataan yang dikemukakan dalam Bahagian B, lima pilihan jawapan telah disediakan untuk dipilih oleh responden iaitu amat setuju (AS), setuju (S), tidak pasti (TP), tidak setuju (TS), amat tidak setuju (ATS).

### **Kajian Rintis**

Tujuan kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan nilai indeks kebolehpercayaan kandungan soal selidik. Ianya membolehkan penyelidik mengenal pasti kekurangan item soal selidik dalam membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian. Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis adalah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana ia selain daripada menentukan kesahan kandungan dan mendapatkan nilai indeks kebolehpercayaan soal selidik juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Ianya bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Gemas, Negeri Sembilan yang mengambil MPV elektif Pendawaian Elektrik dan Domestik pada 08 Januari 2007 iaitu sebelum kajian sebenar dilakukan.

Selain daripada itu, objektif kajian rintis ini adalah bertujuan:

- i. Mengenal pasti kesesuaian kajian dari sudut ketepatan, istilah dan struktur ayat yang digunakan supaya tidak timbul kekeliruan salah tafsir.
- ii. Mengenal pasti kesesuaian soalan-soalan yang digunakan bagi tujuan kajian ini.
- iii. Mengenal pasti kesesuaian soalan kajian yang dikemukakan kepada responden dari aspek pengetahuan, pengalaman dan jangka masa yang digunakan untuk menjawab item soal selidik.

#### Keputusan:

**Jadual 4.13: Taburan Purata Min Keseluruhan Dan Tahap Bagi Persoalan Kajian.**

Bil	Persoalan Kajian	Responden			Min Keseluruhan	Tahap
		TS F %	TP F %	S F %		
1	Pengetahuan Sedia Ada	2 3%	8 11%	60 86%	3.57	Sederhana
2	Minat	1 2%	5 7%	64 91%	3.78	Tinggi
3	Sikap	3 4%	6 9%	61 87%	3.92	Tinggi
4	Kemahiran menggunakan peralatan dan mesin	4 6%	4 6%	62 88%	3.71	Tinggi

#### Perbincangan

##### Persoalan Kajian Pertama:

##### Apakah Pengetahuan Asas Pelajar Mempengaruhi Kesiediaan Belajar Terhadap Mata Pelajaran Vokasional?

Dalam persoalan kajian ini, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesiediaan pencapaian pengetahuan pelajar dalam mengikuti MPV berada pada nilai yang sederhana. Purata skor min bagi keseluruhan soalan kajian ini ialah 3.57 .

Hasil kajian mendapati bahawa pelajar kurang mampu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan MPV dengan cepat. Ini adalah kerana kemungkinan pelajar-pelajar aliran MPV ini terdiri daripada pelajar yang kurang cerdas otaknya. Ini dapat dilihat dengan jelas di mana seramai 16 orang (23%) responden sahaja yang bersetuju, 42 orang (60%) tidak pasti dan 12 orang (17%) tidak setuju. Ini bertepatan dengan pendapat Salbiah (2001), menyatakan kemampuan kognitif sebagai potensi

mental di mana seseorang itu berkemampuan atau berkeupayaan memahami sesuatu perkara, membuat pertimbangan terhadap sesuatu masalah atau memikir secara logik dan rasional tentang sesuatu perkara. Ishak (1985), menyatakan perkembangan pesat dalam sistem pelajaran menambahkan kerumitan masalah dan ilmu pengetahuan diperlukan untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan MPV.

Keputusan ini juga selari dengan Atan (1982) dalam Mohd Nizam, (2004) di mana orang yang cerdas otaknya dapat menggunakan rangsangan daripada alam sekelilingnya dengan berkesan serta dapat menyelesaikan masalah dengan cepat dan cekap berbanding mereka yang kurang cerdas otaknya.

Mubin Syah (1995), menyatakan tingkat kecerdasan otak sangat berpengaruh dalam menentukan tingkat kecerdasan keberhasilan belajar seseorang. Semakin tinggi tahap kecerdasan otaknya semakin besar peluang untuk beroleh kejayaan dan sebaliknya, mereka yang rendah kemampuan otaknya semakin kurang peluangnya untuk mencapai kejayaan.

Hasil dapatan item kajian iaitu, “Saya boleh bertindakbalas dengan segera apabila diajukan soalan oleh guru” dan “Sebelum masuk ke kelas saya akan memastikan diri saya membaca terlebih dahulu tajuk-tajuk yang akan diajar oleh guru” masing-masing dalam kategori min yang rendah. Ini berkait rapat dengan pencapaian responden dalam peperiksaan PMR 2006 kerana rata-rata responden terdiri daripada pelajar-pelajar yang pencapaian keputusan peperiksaan PMR mendapat gred C dan D dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dan digolongkan dalam kelompok pencapaian akademik yang sederhana. Ini menyebabkan mereka lambat bertindakbalas terhadap arahan guru dan serta lambat menguasai sesuatu kemahiran yang diajarkan kepada mereka. Ini bersesuaian dengan pendapat Musa(1992), dimana sekiranya pelajar mempunyai aras keupayaan yang tinggi maka pembelajaran akan dapat diperolehi atau difahami dengan mudah. Manakala jika pelajar mempunyai aras yang rendah adalah sukar untuk menerima segala pembelajaran yang diperolehi.

Menerusi perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa pengetahuan asas pelajar luar bandar di daerah yang dikaji dalam mengikuti MPV adalah sederhana. Pelajar yang pengetahuan asasnya sederhana dan rendah agak lambat memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dan lambat dalam menguasai sesuatu kemahiran dan seterusnya kurang bersedia untuk mengikuti MPV di sekolah.

### **Perbincangan Persoalan Kajian Kedua:**

#### **Apakah Minat Mempengaruhi Kesiediaan Belajar Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Vokasional?**

Dapatan kajian menunjukkan minat pelajar keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu purata min yang dicapai ialah 3.78. Arah aliran ini menunjukkan pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap MPV di sekolah. Mata pelajaran ini mendapat sambutan baik dari pelajar untuk mempelajarinya dan ini bermakna pelajar mempunyai minat untuk mempelajari MPV.

Minat boleh dianggap sebagai pendorong yang mengekalkan usaha dan permainan, pelajaran dan tugas kerana minat menyebabkan seseorang itu dapat memilih sesuatu perkara atau pekerjaan. Menurut Ee Ah Meng (1988), apabila seseorang itu berminat dengan apa yang dilakukannya, maka beliau akan bersedia belajar dengan tekun sehingga mencapai apa yang dicita-citakan. Ini dapat dilihat menerusi item soalan 13, “Saya sentiasa menganggap MPV adalah satu mata pelajaran yang menarik dan mencabar minda”, di mana 91 peratus responden bersetuju bahawa pelajaran ini menarik dan mencabar minda. Ini bersesuaian dengan pendapat Sharifah Alwiah (1984), minat adalah penggerak atau kecenderungan untuk memberi perhatian kepada sesuatu benda, seseorang atau kegiatan. Ia berupaya menimbulkan daya usaha yang tinggi kepada seseorang.

Memandangkan minat juga merupakan perasaan ingin tahu dan ingin menguasai sesuatu kemahiran atau bidang menjadikan aktiviti yang dijalankan oleh seseorang pelajar akan lebih mencabar kebolehan atau minda mereka (Wan Mohd Azmi, 1998). Item 13 pula menunjukkan sebanyak 86 peratus responden bersetuju bahawa MPV menarik minat mereka berbanding empat peratus tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa minat yang tinggi akan menghasilkan kerja yang bersungguhsungguh dan menghasilkan keputusan yang memuaskan (Sulaiman, 1994).

Menurut Suradi (1996), mengatakan bahawa teori pengukuran minat mengandaikan seseorang yang berminat dalam sesuatu bidang atau perkara akan mengetahui lebih banyak atau mempunyai lebih banyak maklumat tentang bidang atau perkara itu sebelum dia mengikuti apa-apa latihan atau kursus jika dibandingkan dengan seseorang yang tidak berminat kepada perkara atau bidang itu kerana minatnya telah mendorong untuk mencari maklumat tersebut.

Kesimpulannya, pelajar luar bandar di sekolah terpilih mempunyai minat dan kesediaan dalam mengikuti MPV ini. Minat pelajar terhadap mata pelajaran ini boleh dilihat dari sudut adakah mata pelajaran ini menarik, tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru, rasa seronok untuk hadir, pengetahuan sedia ada dan aktiviti amali dalam mata pelajaran ini. Dengan adanya minat dalam mata pelajaran ini akan memberi kelebihan kepada guru untuk menyelaras dan membuat penyusunan kurikulum di semua peringkat dan meletakkan mata pelajaran ini amat penting dan penguasaan yang baik dalam MPV dapat dimanfaatkan sebagai satu bidang pekerjaan atau dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

### **Perbincangan Persoalan Ketiga:**

#### **Apakah Sikap Mempengaruhi Kesediaan Belajar Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Vokasional?**

Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan, taburan responden bagi aspek sikap menunjukkan nilai purata min 3.92 iaitu pada tahap tinggi. Ini dapat dilihat pada item 28 iaitu “Saya bertanggungjawab terhadap diri sendiri untuk belajar bersungguh-sungguh”, iaitu sebanyak 87 peratus daripada responden telah bersetuju berbanding 4% lagi tidak bersetuju. Sikap akan menentukan kejayaan seseorang pelajar dalam pelajarannya dan ia mempunyai hubungan yang rapat dengan tanggungjawab untuk memahami dan menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru (Azrul, 1998). Sikap juga akan menyebabkan seseorang individu mudah dipengaruhi untuk bertindak pasif atau aktif terhadap orang (Sharifah Alwiah, 1983)

Pemikiran dan sikap yang positif pelajar akan mendorong minat pelajar dalam MPV Ini bersesuaian dengan item 29 iaitu “Saya sedia menerima teguran guru sekiranya tidak menunjukkan sikap yang baik ketika mengikuti MPV”. Seramai 56 orang (80%) responden bersetuju, ini bertepatan dengan Rahil.*et.al* (1995) menyatakan sikap merupakan perkara peribadi berkaitan dengan perasaan dan pengalaman individu, menggambarkan cara berfikir dan bertindak dalam sebarang masalah yang mendorong pelajar bersedia untuk menerima teguran guru dalam pelajaran demi kebaikan masa depan pelajar sendiri.

Kecenderungan dan komitmen yang tinggi terhadap MPV memberi keyakinan yang lebih kepada pelajar untuk terus belajar secara lebih efektif. Penyataan ini disokong oleh Ee Ah Meng (1998) dalam bukunya “*Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*” menyatakan sikap murid-murid yang sihat adalah menggemari mata pelajaran yang diajar oleh guru. Pelajar yang menggemari mata pelajaran akan memberi tumpuan yang lebih terhadap apa yang dipelajarinya.

Kesimpulannya, pelajar-pelajar bersedia dan bersikap positif dalam mengikuti MPV walaupun mereka berada di kawasan luar bandar. Sikap yang positif yang ada dalam diri pelajar terhadap mata pelajaran yang diikuti memudahkan tugas guru dalam memberi tunjuk ajar serta ilmu pengetahuan kepada

mereka. Pelajar pula akan cepat memahami isi pelajaran dan dapat melakukan aktiviti amali dengan lebih baik dan berkesan.

#### **Perbincangan Persoalan Keempat:**

#### **Apakah Kemahiran Menggunakan Peralatan dan Mesin Mempengaruhi Kesediaan Belajar Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Vokasional?**

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan peralatan dan mesin dapat digunakan dengan cara yang betul oleh pelajar. Ini terbukti purata min yang telah diperolehi pada tahap tinggi iaitu 3.71. Kemahiran yang diperolehi pelajar amat penting dan berfaedah untuk kegunaan di kemudian hari. Oleh itu sebarang aktiviti amali dalam mata pelajaran MPV memerlukan langkah-langkah keselamatan dan mengaplikasikan kemahiran yang mereka telah di perolehi.

Kemahiran diertikan sebagai keterampilan, kecekapan dan pengetahuan guna tenaga dalam bidang teknikal yang melibatkan operasi kognitif, psikomotor dan penggunaan sumber yang berkesan. Dalam sesuatu kerja amali persediaan peralatan dan mesin yang lengkap dan sempurna akan menghasilkan kerja yang baik (Azhari, 1990). Ini bertepatan dengan item "Saya sangat gembira sekiranya saya dapat menggunakan kemahiran yang diperolehi dengan cara yang betul". Item ini berada pada nilai min yang tinggi iaitu 4.34 iaitu seramai 62 orang (88%) responden telah bersetuju. Penggunaan alat tangan yang betul akan menghasil kualiti kerja. Menurut Wan Azmi (1985), kualiti kerja bukan sahaja terletak pada pengetahuan sahaja tetapi tahap kesediaan kemahiran dalam pengendalian sesuatu alatan dan mesin jugamenjadi faktor penentu. Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar telah kenal dan faham serta mempunyai kesediaan belajar.

Malahan responden turut bersetuju peralatan dan mesin yang digunakan semasa kerja-kerja amali akan disimpan semula dengan cermat di tempat yang dikhaskan. Menurut Word (1976) dalam Mohd Idris (2004), penggunaan dan penyimpanan semua jenis peralatan dan mesin mesti dilakukan dengan cermat supaya ia selamat kepada semua pelajar. Penggunaan sesuatu mesin dan peralatan jikalau kurang pengetahuan dan kemahiran semasa menggunakannya serta operasi, adalah berbahaya.

Ini jelas menunjukkan pelajar sentiasa bersedia, prihatin serta patuh kepada peraturan makmal disamping mempunyai pengetahuan tentang kemahiran penyimpanan alatan dan mesin di tempat yang telah ditetapkan. Mohd Yusuf dan Sharifah (1996), menyatakan bahawa peralatan sesebuah makmal tidak boleh dipindahkan ke tempat atau makmal lain sesuka hati dan segala peralatan yang telah dipinjamkan hendaklah dipulangkan ke makmal asal setelah selesai digunakan. Keterangan ini dapat menyokong kejituan perbincangan analisis bagi persoalan ini.

Kesimpulannya, pelajar-pelajar di luar bandar bagi daerah Jerantut bersedia dari segi kemahiran menggunakan peralatan dan mesin dalam mengikuti MPV di sekolah kerana pelajar memang telah mempunyai pengalaman serta pengetahuan menggunakan sebahagian peralatan dan mesin semasa diperingkat menengah rendah lagi.

#### **Rumusan**

Kajian yang dijalankan adalah mengenai kesediaan pelajar dalam mengikuti MPV di luar bandar. Keseluruhan data yang dikumpulkan melibatkan pelajar-pelajar di tiga buah sekolah dalam daerah Jerantut. Setelah dibuat analisis, rumusan adalah seperti berikut:

i. Seramai 70 orang responden Tingkatan Empat di tiga buah sekolah luar bandar terlibat. Kebanyakan responden terdiri dari 50 orang responden pelajar lelaki dan 19 orang responden pelajar perempuan



- ii. Majoriti pelajar terdiri dari kaum Melayu dengan pecahan komposisi terdiri daripada 67 orang pelajar Melayu, dua (2) orang pelajar Cina dan seorang pelajar India. Memandangkan kaum Melayu adalah majoriti, agama Islam mendahului agama Buddha dan Hindu.
- iii. Melibatkan 3 buah sekolah iaitu SMK Kota Gelanggi 2, SMK Damak dan SMK Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak. Bilangan pelajar bagi setiap sekolah antara 20-25 orang pelajar.
- iv. Hasil soal selidik yang dibuat mendapati seramai sembilan (9) orang memperoleh gred A dalam peperiksaan PMR, Seramai 20 orang mendapat gred B, 30 orang mendapat gred C dan 11 orang mendapat gred D.
- v. Majoriti sektor pekerjaan bapa adalah dalam sektor bekerja sendiri iaitu seramai 31 orang berbanding sektor lain. Manakala bagi pekerjaan ibu pula, kategori bekerja sebagai surirumah telah mendominasi sektor-sektor yang lain iaitu seramai 52 orang.
- vi. Kesiediaan pelajar dari segi minat, sikap, kemahiran menggunakan peralatan dan mesin menunjukkan nilai min keseluruhan pada tahap tinggi dengan nilai min bagi minat ialah 3.78, sikap dengan nilai 3.92 dan kemahiran menggunakan alatan dan mesin ialah 3.71.
- vii. Kesiediaan pelajar dari segi pengetahuan sedia ada mencatatkan min keseluruhan pada tahap sederhana dengan nilai min 3.57.

Hasil dapatan dari kajian ini , mendapati pelajar mempunyai kesediaan dari segi pengetahuan sedia ada, minat, sikap, dan kemahiran dalam menggunakan alatan dan mesin dalam mengikuti MPV.

## **Rujukan**

- Abdul Rahim Abd Rashid. (2002). Panduan Latihan Mengajar. Cetakan Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 96-97, 140.
- Abu Zahari Abu Bakar (1998). Memahami Psikologi Pembelajaran, Petaling Jaya :mPenerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ahamad.(1994). Vocational Training In Malaysia An Overview Dalam P. Pillai And R.Othman (pnyt). Learning To Work, Working to Learn : Vocational Training In Germany And Malaysia”: ISIS Malaysia, 77-90.
- Ahamad Sipon (2001). Ucaptama: Halatuju Dan Cabaran Pendidikan Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik, Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional, 7-10 November 2001. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Aminah Ahmad (2001). The Participation Of Malaysian Women In Education: The Post, Independence Era. Kertas Kerja The 16th Conference Of The International Association Of Historians Of Asia. Kota Kinabalu, Sabah. 27-31 Julai.
- Amir Syamaizar bin Roslan (2006) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesiediaan Belajar Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknikal Sekolah, Menengah Teknik( Pertanian) Chenor, Maran Pahang: Satu Kajian Kes. Projek Sarjana Muda . Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Awang Had Salleh. (1986). Ke arah Pencapaian Akademik Yang Cemerlang Di Kalangan Pelajar Bumiputera Melalui Kaunseling. Dalam Kertas Seminar ke 2 Kaunseling Pulau Pinang Universiti Sains Malaysia.
- Azizi Yahaya et.al (2007), Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Azrul Azlan Hj Ahad (1998) "Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Pembelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing Johor : Satu Kajian Kes. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Best, Jr Dan Khan, Jr.( 1998). Research In Education, 8th Ed. M.A: Allyn and Bacon.
- Chan, Siew Lian.( 1999). Kajian Mengenai Sikap Dan Minat Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Cohen, L. dan Manion, L. (1994). Research Methods In Education. London: Croon- Helm.
- Crow & Crow(1981). Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crow L.D and Crow (1983) Psikologi Pendidikan Untuk Pengurusan Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Gay, L. R. (1996). Educational Research 5th. Ed. New Jersey: Prentice Hall. Highet, G. (1981). The Art Of Teaching. Ladder Edition New York :Pyramid Books.
- Kamaruddin Husin Dan Hazil Abd Hamid. (1990). Prinsip-prinsip Asas Kurikulum Dan Pengajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi 3, (1994), Selangor :Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Pillay, Gerald. (1992). " Training Of Middle Level Workers In Singapore Discussion Paper No.94.ILO, Geneva, Switzerland.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). Buku Penerangan Dan Panduan Penawaran Mata –Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik Harian. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2003). Pelan Induk MPV Di Sekolah Harian Bagi Tahun 2002-2003 Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahil Mahyuddin et. al(1995)Asas Pendidikan II Psikologi Dalam Bilik Darjah. Petaling Jaya.: Penerbitan Longman Malaysia.
- Salbiah Ishak (2001). Pendidikan Di Malaysia Dan Psikologi Pendidikan Di Selenggara oleh Abd Rahman. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors.
- Shamsul Nazman Abdul Rahman. (2002). Kesiediaan Bakal-bakal Guru Kemahiran Hidup Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Universiti Teknologi Malaysia Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bagi
- \  
Mata Pelajaran Rekacipta Di Sekolah-sekolah Menengah. Projek SarjanaMuda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Sharifah Alwiah Al Sagoff. (1984) Falsafah Pendidikan. Kuala Lumpur. Art Printing Work Sdn. Bhd :Heinemann Education Book (ASIA).